

04 JUN 1996

Mahathir-Everest

MALAYSIA INGIN KE PUNCAK TERTINGGI DUNIA TAHUN DEPAN

KUALA LUMPUR, 4 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini melancarkan projek negara bagi menawan puncak gunung tertinggi dunia pada Mei tahun depan.

Melalui Projek Malaysia-Everest '97 itu, 20 pendaki negara akan cuba mamacakkan bendera Malaysia di puncak Gunung Everest setinggi 8,848m itu.

Jika percubaan itu berjaya, Malaysia akan menjadi negara pertama dari Asia Tenggara yang dapat menawan Gunung Everest.

Projek yang dianggar menelan belanja RM4.5 juta itu adalah ilham Dr Mahathir yang pernah berkata: "Kita mesti mempunyai keyakinan untuk menjadikan impian kita kenyataan, ini termasuk mendaki Gunung Everest, belayar melintasi Pasifik, menjelajah Artik dan Antartika."

Ia dianjurkan bersama oleh Kementerian Belia dan Sukan, Persatuan Mendaki Malaysia dan Yayasan Sukan dan Kebudayaan Malaysia.

Kementerian Belia dan Sukan telah menyediakan RM300,000 sebagai bayaran permit kepada kerajaan Nepal bagi mendaki Gunung Everest. Pihak swasta dan awam serta individu diminta menyumbang untuk menampung baki perbelanjaan bagi pendakian itu.

Daripada 20 pendaki yang dipilih di kalangan anggota Persatuan Mendaki Malaysia bagi menyertai ekspedisi mendaki Gunung Everest itu, hanya 12 akan mendaki bahagian terakhir puncak gunung itu manakala yang lain akan bertindak sebagai pasukan penyokong.

Program persediaan bagi menjayakan projek itu termasuk latihan pendakian dimulakan tahun lepas. Latihan itu termasuk sesi mendaki di beberapa lokasi termasuk Shingri Glacier di India dan Mount Cook Aspring di New Zealand.

Sir Edmund Hillary dan pemandu arahnya Tenzing Norgay Sherpa adalah manusia pertama yang berjaya sampai ke puncak Gunung Everest pada 29 Mei 1953. -- BERNAMA

AFY MAI